

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 11 Jun 2020 8:50 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AHS GS Terima Pelajar Pasca Siswazah Baharu Trimester Mei 2019/2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JUN 2020 / 19 SYAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: AHS GS

AHS GS TERIMA PELAJAR PASCA SISWAZAH BAHARU TRIMESTER MEI 2019/2020



UUM ONLINE: Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHS GS) telah selesai melaksanakan pendaftaran pelajar pasca siswazah baharu bagi sesi kemasukan trimester Mei 2019/2020 dari 13 Mei hingga 31 Mei lalu.

Dekan AHS GS Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pusat pengajian di bawah UUM CAS yang sentiasa berusaha keras mempromosikan program pasca siswazah masing-masing.

“Seramai 43 pelajar iaitu 46 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar baharu telah mendaftar bagi sesi kemasukan ini.

“Sesi trimester kali ini mencatatkan seramai 35 pelajar tempatan dan enam pelajar antarabangsa yang telah mendaftar, seterusnya menjalani sesi pembelajaran secara atas talian,” katanya.

Beliau berkata, AHS GS akan terus melipatgandakan usaha promosi untuk menarik pelajar dari pelbagai negara dengan berfikir secara kreatif dan inovatif serta berani untuk mencuba kaedah baru memasarkan program akademik.

Tambahnya, UUM harus terus fokus kepada *speed*, *flexibility* dan *visibility* dalam mengorak langkah memasarkan UUM sebagai pilihan pertama dalam pengajian pasca siswazah di era pasca Covid-19.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.